



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 JANUARI 2025 (RABU)

## Anjing Liar Ancam Keselamatan Penduduk, Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33	8 Jan

### Anjing liar ancang keselamatan penduduk, ternakan

**BACHOK** Lebih 2,000 penduduk Kampung Baru, Beris Lalang, di sini, resah dengan kehadiran anjing-anjing liar yang mengancam keselamatan keluarga dan haiwan ternakan mereka sejak tiga bulan lalu.

Mereka mendakwa kerugian beribu ringgit apabila lembu, bini-bini dan ayam dibahan kawanan anjing liar yang datang

dari pusat pelupusan sampah berdekatan.

Seorang penduduk, Zulfiqar Azri Nizam Zakaria, 32, berkata, paling membimbangkan adalah keselamatan anak-anak kecil bermain di luar rumah.

"Sembilan ekor bini-biri saya mati dibahan manakala sebahagian lagi menjadi makanan anjing liar. Kini kandang bini-bi-

ri tinggal kosong. Saya kerugian lebih RM4,000. Kawanan anjing liar turut menceroboh ke dalam kandang terutama pada waktu tengah malam," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini, semalam.

Zulfiqar berkata, paling membebani ialah keselamatan anak-anak kecil yang sentiasa dipantau supaya tidak berlegar

di luar rumah kerana kawanan anjing tetap datang pada waktu siang. "Anjing turut mengorek tanah untuk makan bangkai termakan yang ditamam. Saya sudah menghubungi pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut namun tiada sebarang maklum balas diterima," katanya.

Seorang lagi penduduk, Rogayah Zakaria, 67, berkata, anak lembu dan ayam kampungnya turut dibahan anjing liar menyebabkan dia tawar hati untuk meninggalkan.

"Saya tambat lembu di belakang rumah namun tetap kerugian bila kawanan anjing datang melapah dagingnya pada waktu tengah malam," katanya.

## 200 Anjing Liar dikembiri Untuk Kawal Populasi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	34	8 Jan

**200 anjing liar dikembiri untuk kawal populasi**

**JOHOR BAHRU:** Sebanyak 200 anjing liar yang ditangkap di sekitar kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dikembiri bagi mengawal populasi haiwan itu.

Pengarah Kestihatan MBJB, Dr. Aslinda Sallikin berkata, semua haiwan itu ditangkap di beberapa kawasan perumahan dan perindustrian susulan aduan awam yang diterima menerusi pelbagai platform media sosial.

Katanya, anjing tersebut turut diberikan ubat kutu serta vaksin rabies sebelum diberikan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berminat bagi tujuan penjagaan.

"Pihaknya turut menerima tajaan berjumlah RM142,000 daripada pihak swasta bagi me-

nyokong program itu, berupaya makanan, ubat kutu serta vaksin yang diperlukan.

"MBJB bersama Social Hero Foundation (SHF) dan Vet Partners Malaysia akan melaksanakan empat siri Program Kembiri Anjing Liar pada tahun ini dengan sasaran keseluruhan sebanyak 1,000 ekor haiwan itu melalui prosedur tersebut.

"Diharapkan kerjasama ini dapat membantu MBJB bagi mengurus dan mengawal populasi anjing liar di kawasan MBJB secara lebih efisien, berperikemanusiaan dan lestari," katanya ketika ditemui di Dewan Raya Taman Perling, di sini semalam yang turut dihadiri Koordinator Program SHF, Delaney Rodriguez.



**SEORANG doktor melakukan pembedaan kembiri ke atas seekor anjing liar sempena Program Kembiri Anjing Liar Majlis Bandaraya Johor Bahru di Dewan Raya Taman Perling, Johor Bahru, semalam.**

# Anjing Liar Serang Ternakan, Penduduk Rugi Ribuan Ringgit

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	21	8 Jan



Masykuri menunjukkan lubang yang digali anjing liar untuk masuk ke kandang kambingnya.

Penduduk di Kampung Alor Peroi, dekat Kuala Besut, Besut diselubungi kebimbangan berikutnya masalah kumpulan anjing liar yang mengancam serta menyerang haiwan ternakan. Berdasarkan perkongsian penduduk, lebih 100 ekor ternakan mati diserang haiwan itu dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, menyebabkan peternak menanggung kerugian mencecah ribuan ringgit.

Menerusi Apa Khabar Rakyat kali ini, wartawan Sinar Harian, NORHASPIDA YATIM menyengkap luahan penduduk di sebalik masalah yang membelenggu mereka di kawasan berkenaan.

ANCAMAN anjing liar semakin berleluasa selepas dua bulan lalu menyebabkan penduduk di kawasan itu terpaksa mencari pelbagai inisiatif bagi memastikan haiwan peliharaan selamat.

Seorang penduduk, Masykuri Ngah, 44, berkata, dia mengambil inisiatif membina pagar baru untuk menyelamatkan pagarnya.

"Selepas tiga kali kambing peliharaan saya mati diserang anjing liar hujung Oktober tahun lalu, saya bina pagar baru untuk menyelamatkan ternakan kerana anjing-anjing ini biasanya memburu ternakan pada waktu malam dengan menyelinap masuk ke dalam kandang."

"Hampir RM10,000 dibelanjakan untuk membina pagar baru yang lebih kukuh dan ia siap pada November tahun lalu," katanya ketika ditemui Sinar Harian, di sini baru-baru ini.



MASYKURI



ADAM



WAN MUHAMMAD



Antara kambing peliharaan Masykuri yang mati akibat diserang anjing liar.

Bercerita mengenai serangan anjing liar, Masykuri berkata, dia rugi kira-kira RM6,000 selepas enam ekor kambingnya mati diserang haiwan itu ketika berada di dalam kandang.

"Kejadian kambing peliharaan saya mati di dalam kandang belum pernah berlaku, yang menghairankan ia mati waktu malam dan kambing ini dalam kawalan, bukan dipelaskan berkeliaran."

"Saya juga pernah terserempak dengan sekumpulan anjing liar sedang merosakkan dan menggali lubang bahagian luar pagar kandang kambing yang baru dibina ini," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Azmi Yusof, 45, berkata, dia kini berhenti menternak biri-biri selepas haiwan itu mati dibaham anjing liar berulang kali.

"Lapan ekor kambing biri-biri saya mati sekali gus dalam satu masa menyebabkan saya kerugian RM8,000."

"Kejadian berlaku dua tahun lepas. Selepas itu seekor demi seekor

kambing biri-biri peliharaan saya menjadi sasaran anjing-anjing liar ini menyebabkan saya terus mengalih dan berhenti memelihara kambing tersebut."

"Saya sendiri tak pasti mengapa kambing biri-biri menjadi sasaran mungkin rasa dagingnya lebih sedap," ujarnya.

Menurut Azmi, selain kambing biri-biri banyak lagi ternakannya yang lain menjadi mangsa anjing liar antaranya ayam, angsa dan itik.

Seorang lagi peternak, Adam Kassim, 65, berkata, kumpulan anjing liar itu akan aktif memburu selepas jam 12 tengah malam.

"Boleh dikatakan setiap malam berlaku serangan anjing liar ini. Jam 12 tengah malam anjing ini akan mencari mangsa."

"Waktu siang kebanyakan anjing ini duduk dalam semak dan kebun kelapa sawit. Haiwan ini juga akan bergerak secara berkumpulan, terdapat dalam lapan hingga sepuluh ekor dalam satu kumpulan."

"Secara keseluruhan terdapat kira-kira 30 ekor anjing liar yang berkeliaran di kawasan ini," jelasnya.

Wan Muhammad Suhaidin, 43, pula berkata, pada peringkat awal, jumlah anjing liar di kawasan itu beberapa ekor sahaja, namun pembiakannya yang cepat menyebabkan jumlahnya bertambah.

"Bukan hanya itik, ayam dan kambing tetapi anak lembu dan anak kerbau yang baru lahir juga menjadi mangsa anjing ini."

"Saya tidak menolak kemungkinan haiwan itu kekurangan sumber makanan sehingga menyerang ternakan lain."

"Kita bimbang, jika semua sumber makanan anjing ini telah habis, tidak mustahil ia akan menyerang manusia terutama kanak-kanak yang berjalan pergi dan balik sekolah," katanya.

**Gesa tindakan segera atasi serangan anjing liar**

**PENGURUSI** Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Kayu Kelat, Kuala Besut, Shaari A Rahman berkata, peningkatan jumlah anjing liar di kawasan itu membimbangkan dan aduan berhubung masalah tersebut telah dilaporkan kepada Majlis Daerah Besut (MDB).

"Pihak MDB telah datang ke kawasan terabit untuk melihat secara lebih dekat keadaan di situ."

"Beberapa tindakan juga telah diambil seperti memasang perangkap dan sebagainya, namun, masalah itu masih gagal

ditangani.

"Anjing-anjing ini hidup secara berkumpulan dan membikar dengan cepat menyebabkan populasi meningkat dalam tempoh yang singkat," ujarnya.

Tambah Shaari, tindakan dimiliki pihak MDB bagi memastikan haiwan ternakan dilindungi turut berdepan dengan cabaran antaranya oleh kumpulan pencinta haiwan.

"Golongan pencinta haiwan marah kerana tindakan diambil terhadap seekor anjing liar sedangkan mereka tidak sedar



SHAARI



TENGKU ZAIHAN

sudah berapa banyak ternakan komuniti di kawasan itu mati diserang anjing liar," kongsinya.

Sementara itu, Pengurus Penyelaras UMNO DUN Kuala

Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman berkata, pihak berwajib perlu mengambil tindakan berkesan bagi mengatasinya.

"Pihak berwajib perlu mencari solusi yang berkesan dalam menangani masalah ini kerana kehadiran anjing liar itu telah menyebabkan pelbagai bentuk gangguan."

"Kita bimbang, jika populasi haiwan ini gagal dikawal, ia akan mendatangkan lebih banyak masalah termasuk mengancam nyawa manusia," ujarnya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR